




# BULETIN NADI HAYAT



## PUSAT KUARANTIN & RAWATAN COVID-19 DAERAH TUARAN (HOSPITAL TUARAN)

Penularan dan gelombang ketiga Covid-19 di Malaysia mula pada bulan 20 September 2020 yang turut melibatkan Sabah. Sehubungan itu, pembukaan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) adalah perlu yang bertujuan untuk menyediakan wad pengasingan sementara (kuarantin) bagi pesakit positif Covid-19, pusat rawatan dan pemulihan pesakit Covid-19 bagi kategori jangkitan tahap 1, 2 dan 3 (berisiko rendah) serta mengurangkan beban kerja hospital berpakar yang memberikan fokus rawatan pesakit Covid-19 tahap 3 dan ke atas. Bagi daerah Tuaran, pihak Hospital Tuaran telah diberi tanggungjawab untuk menguruskan PKRC Tuaran yang bertempat di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kampus Wilayah Sabah (210 katil) dan Pusat Latihan RELA Sabah (60 katil) di Jalan Sulaman. Kedua-dua fasiliti ini berada di dalam kawasan daerah Tuaran. Pemilihan kedua-dua fasiliti ini memenuhi kriteria pemilihan PKRC iaitu kawasan yang luas, berpagar, mempunyai kemudahan asas (elektrik, air, jalan raya) berdekatan dengan Hospital Tuaran (15km), infrastruktur fasiliti (tandas, bilik, alat pemadam api), bukan kawasan banjir serta bebas daripada kawasan tumpuan orang awam. PKRC INTAN mula dibuka pada 8 Oktober 2020 manakala PKRC RELA pada 10 November 2020. Sehingga 31 Disember 2020 seramai 2,441 pesakit telah menerima rawatan di PKRC Tuaran.

  
YBrs. Dr. G. Mohan A/L A. Gopal Naidoo  
Pengarah Hospital Hospital Tuaran  
Terima kasih kepada semua pembaca yang budiman. Semoga anda mendapat manfaat daripada buletin yang disediakan ini. Tidak dilupakan kepada barisan sidang redaksi yang bertungkus lumus untuk menyediakan buletin ini. Semoga buletin akan dapat terus diterbitkan lagi pada masa akan datang.

### Badan Redaksi Nadi Hayat

- Dr. Maegyvear Pimid
- Chan Yen Mii
- David Dominicus
- Jack Richie Lee
- Jessica Yampai
- Lynceia Bonar
- Bartholemew G. Lee
- Normie E. Surin
- Clarice Jariman
- Ag. Ramlan Ag. Murshid
- Nooraini Armando
- Fredolin Andrew Sipail
- Ricaldo Geonan Majutin



## LAWATAN



YBhg. Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood  
Penasihat Khas kepada YAB Perdana Menteri mengenai Kesihatan Awam



YB Datuk Seri Panglima Sr Haji Safar bin Untong  
Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah



YBrs. Dr. Ahmad Hussin  
Ketua Jabatan Kecemasan & Trauma dan Ketua Perkhidmatan Kecemasan Negeri Sabah



### Persijilan Kualiti Hospital Tuaran



**HOSPITAL TUARAN**  
Peti Surat 996, 89207 Tuaran, Sabah  
088-788224 / 088-797100  
088-788167  
<http://htuaran.moh.gov.my>  
@hospitaltuaran

Either you run the day or the day runs you.  
Jim Rohn

# PORTAL KOMUNIKASI DAN KOLABORASI BERSEPADU MyGovUC

## Satu Aplikasi

Semua keperluan perhubungan dan kolaborasi.  
(one-stop-centre)

## Akses Mudah


Melalui mana-mana peranti yang boleh menggunakan browser dan aplikasi mobile.  
(easy access)

## Single Sign On

Akses ke semua perkhidmatan MyGovUC2.0.

## Video Conference

Bermesyuarat dari mana-mana dengan selamat dan selesa



## Keselamatan

Memastikan kawalan akses dan perlindungan maklumat.

## IceChat/ WebChat

Memudahkan perhubungan antara individu dengan sejarah chatting yang disimpan.

## TeamChat

Berhubung dan kolaborasi dalam kumpulan.

## Berkongsi dan Mengemaskini Dokumen

Memudahkan kolaborasi menggunakan dokumen yang disimpan di dalam talian.

## BERSAMA MEMBENDUNG PENULARAN COVID-19

Kerjasama dalam bertugas merupakan aset yang utama dalam membendung penularan Covid-19. Amalan ini tidak terkecuali di Hospital Tuaran dimana peranan Sedafiat (Perkhidmatan Sokongan Hospital) adalah penting. Perkhidmatan Sedafiat termasuklah membuat pembersihan terminal kawasan merawat dan juga membuat pembuangan sisa klinikal. Aktiviti ini memastikan agar kawasan rawatan hospital sentiasa dalam keadaan bebas Covid-19 dan memastikan paramedik dan pesakit yang lain tidak dijangkiti dengan Covid-19.



### PERKHIDMATAN PESAKIT LUAR

BULAN	JUMLAH (PURATA)
OKTOBER	4,412
NOVEMBER	2,960
DISEMBER	3,091
<b>JUMLAH</b>	<b>10,463</b>

### KENALI BAHASA DUSUN

Nunu habar nu baino?

*Apa khabar kamu hari ini?*

How are you today?

### BANCIAN PESAKIT DALAM

WAD	OKTOBER	NOVEMBER	DISEMBER
PEREMPUAN	42.58%	58.83%	56.13%
LELAKI	53.39%	59.00%	45.00%
BERSALIN	52.62%	56.88%	45.77%
PEDIATRIK	39.62%	39.58%	36.39%
PKRC TUARAN	34.73%	76.87%	65.63%

### KEMPEN DERMA DARAH

BULAN	LOKASI	DARAH	PINT
OKTOBER	1	22	
NOVEMBER	6	189	
DISEMBER	3	67	
<b>JUMLAH</b>	<b>9</b>	<b>278</b>	

Sumber: Unit Transfusi Darah

### BILANGAN IBU BERSALIN

BULAN	JUMLAH
OKTOBER	103
NOVEMBER	113
DISEMBER	104
<b>JUMLAH</b>	<b>320</b>

Sumber: Unit Rekod Perubatan

The time you enjoy wasting is not wasted time.  
*Bertrand Russel*

## VIRTUAL LIBRARY MOH

Pangkalan data ini merupakan satu platform khas yang disediakan oleh Perpustakaan IPKKM bagi memudahkan kakitangan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mendapatkan maklumat. Beberapa pautan yang tersedia didalam pangkalan data ini termasuklah pangkalan data yang dilanggan oleh KKM. Alamat laman sesawang adalah vlib.gov.my Pangkalan data ini dapat memberi maklumat terkini dalam bidang perubatan sesuai dengan anggota kesihatan KKM seperti berikut:



AccessMedicine menampilkan kandungan perubatan bersama multimedia, penilaian sendiri, kajian kes



BibliU e-Books – platform dalam talian yang memberikan akses buku teks



ClinicalKey for Nursing – sumber daripada Mosby yang disatukan untuk membantu jururawat mencari jawapan klinikal dengan lebih pantas.



Emerald Insight – merangkumi jurnal dan buku dari pelbagai bidang termasuklah pengurusan dan perubatan.



LawNet – menyediakan teks penguatkuasaan Undang-Undang Malaysia



OVID – platform penyelidikan perubatan untuk paramedic, doktor, professor dan yang bertugas dalam bidang perubatan

## Wiley Online Library

Wiley Online Library – salah satu koleksi jurnal, buku dan sumber penyelidikan dalam talian yang terbesar yang merangkumi sains kehidupan, kesihatan, social dan fizikal.

Sebarang pertanyaan sila hubungi Unit Perpustakaan.

Ideas shape the course of history.  
*John Maynard Keynes*

## PERUBAHAN JUMLAH KATIL RASMI HOSPITAL TUARAN

Hospital Tuaran yang siap dibina pada tahun 2015, mula beroperasi dengan 76 katil. Bermula tahun 2021, perubahan penambahan katil rasmi adalah seperti berikut:

WAD	ASAL	BARU (2021)
PEREMPUAN	20	20
LELAKI	20	20
BERSALIN	14	16
PEDIATRIK	22	26
<b>JUMLAH</b>	<b>76</b>	<b>82</b>

Melalui perubahan penambahan bilangan katil rasmi ini akan dapat membantu penduduk daerah Tuaran mendapatkan rawatan di Hospital Tuaran.

## MAKLUMBALAS PELANGGAN

Maklumbalas pelanggan merupakan salah satu cara bagi pengguna/pesakit/pengunjung hospital untuk memberikan sama ada aduan, cadangan atau penghargaan. Dengan adanya medium ini, maka pihak hospital dapat memberikan perkhidmatan yang optimum kepada semua terutamanya pesakit yang mendapatkan rawatan. Terdapat beberapa cara untuk menyampaikan maklumbalas ini iaitu melalui kaedah berikut:

1. Sistem Pengurusan Aduan Awam (SiSPAA)
2. Biro Pengaduan Awam (BPA)
3. Surat Rasmi
3. Emel dan faksimili
4. Bersemuka
5. Peti Cadangan
6. Telefon
7. Media Massa
8. Media Sosial



Terdapat juga inovasi dan inisiatif yang telah disediakan pihak hospital dimana maklumbalas dapat terus diberi perhatian oleh pengurusan tertinggi hospital iaitu melalui:

Whatsapp Careline – maklumbalas akan terus diambil perhatian oleh Penyelia harian yang bertugas.

Quick Response Feedback Box (QRFB) – merupakan satu inovasi yang dilakukan oleh pihak hospital bagi memudahkan pengguna hospital memberikan maklumbalas.



# ALBUM HOSPITAL TUARAN



Sambutan Hari Deepavali  
14 November 2020



Lawatan dan Penyerahan Sumbangan daripada  
Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah  
20 Disember 2020



Penerimaan Kenderaan Baharu Jabatan  
20 November 2020



Mesin Digital Direct Radiography (DDR)  
sumbangan YAB Ketua Menteri Sabah  
21 Disember 2020



Latihan Pengungsian Bangunan (Firedrill)  
24 November 2020



Sambutan Hari Krismas Hospital Tuaran  
22 Disember 2020



Sambutan Hari Krismas PKRC Tuaran  
RELA: 18 Disember 2020  
INTAN : 22 Disember 2020



Latihan Video Assisted Laryngoscope  
23 Disember 2020

If you can't describe what you are doing as a process, you don't know what you're doing.  
*W. Edwards Deming*